

**KEBERKESANAN UNJAM ASLI DAN UNJAM CAMPURAN  
SEBAGAI MEKANISMA PENGUMPULAN IKAN  
DI TASIK KENYIR, TERENGGANU**

**JULAIHEE BIN MATUSIN**

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU**

**1998**



**KEBERKESANAN UNJAM ASLI DAN UNJAM CAMPURAN  
SEBAGAI MEKANISMA PENGUMPULAN IKAN  
DI TASIK KENYIR, TERENGGANU**

**OLEH**

**JULAIHEE BIN MATUSIN**

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan  
untuk mendapatkan Ijazah Bachelior Sains Perikanan.**

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU**

**1998**

**1100024060**

## PENGHARGAAN

Al-hamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya maka dapatlah saya menyiapkan laporan projek ini dengan jayanya. Salawat dan salam saya tujukan kepada junjungan besar nabi kita Muhammad S.A.W.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Sakri B. Ibrahim selaku penyelia yang tidak jemu-jemu memberi nasihat, tunjuk ajar dan semangat dalam usaha saya menyiapkan laporan ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat En. Fazil, En. Abdul Manap, Chell, Norman, Limi, Zai, Ben, Jlare, Jikun, Kasto, Zaidi, Roslan, Dina dan teman-teman seperjuangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak. Budi kalian tetap diingati dan mudah-mudahan kalian semua tergolong di kalangan orang-orang yang bertaqwa.

Teristimewa buat keluarga tercinta, (*Bonda Dayang Mahani,, Siti Rabiah dan suami, Hashim dan isteri, Norjanah dan suami, Mohd. Zain, Junaidi, Midon, Ruzinah, Samirul, Amin dan seisi rumah*), saya ucapkan jutaan terima kasih kerana berkat doa restu, sumbangan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi terhadap saya sepanjang 7 tahun di UPM ini. Sesungguhnya kejayaan ini adalah sebahagian daripada perjuangan kalian semua dan terimalah laporan projek ini sebagai hadiah buat kalian.

Akhir sekali, untuk allahyarham ayahanda *Haji Matusin*, dengan iringan doa agar rohnya dirahmati Allah dan mudah-mudahan tergolong di kalangan orang-orang yang beriman dan bertaqwa. Al-fatihah. Amin...

Sekian, wassalam

Julaihee Matusin.  
Bacelor Sains Perikanan (Marin)

## ABSTRAK

Kajian tentang keberkesanan unjam di perairan air tawar dan marin adalah penting terhadap industri perikanan negara. Oleh itu, satu kajian tentang keberkesanan unjam yang melibatkan unjam asli dan unjam campuran telah dibuat di perairan air tawar bertempat di Sungai Kiang, Tasik Kenyir, Terengganu. Kajian ini dilakukan sebelum dan selepas unjam direndamkan bagi kedua-dua jenis unjam di dua lokasi yang berlainan. Sebanyak 10 penyampelan dibuat berdasarkan jumlah bilangan ikan ditangkap menggunakan pukut hanyut pelbagai saiz dalam selang masa setiap dua minggu setelah unjam direndamkan. Keputusan yang diperolehi mendapati kehadiran unjam asli dan unjam campuran di lokasi kajian mampu meningkatkan hasil tangkapan berbanding sebelumnya. Pada waktu malam didapati jumlah tangkapan adalah tinggi berbanding pada siang hari dan bilangan tangkapan ikan berubah-ubah dari semasa ke semasa di sepanjang waktu penyampelan dijalankan. Daripada keputusan statistik, didapati terdapat perbezaan keberkesanan di antara unjam asli dan unjam campuran. Di mana dari keputusan menunjukkan unjam asli adalah lebih berkesan dari unjam campuran di kedua-dua lokasi kajian. Sepanjang tempoh kajian didapati hanya 11 spesies yang ditangkap pada kedua jenis unjam iaitu Lampam Sungai (*Puntius schwanefeldii*), Sebarau (*Hampala macrolepidota*), Temperas (*Cyclocheilichthys apogon*), Rung (*Osteochilus vittatus*), Terbol (*Osteochilus hasselti*), Kawan (*Labiobarbus festiva*), Belida (*Notopterus chitala*), Baung (*Mystus nemurus*), Tengas (*Acrossocheilus hexagonolepis*), Jemerong (*Lobocheilus cornutus*) dan Kelah (*Tor tambroides*). Bagi kedua-dua jenis unjam didapati ikan Lampam Sungai (*Puntius schwanefeldii*) merupakan spesies dominan yang ditangkap.

## ABSTRACT

A study about the effectiveness of unjam in fresh and marin water bodies is important to fisheries industry. Therefore, a study about the effectiveness of unjam in freshwater body which consist of traditional unjam and mixed unjam was made at Sungai Kiang, Tasik Kenyir, Terengganu. The study was conducted before and after the unjam being soaked for both type of unjam at two different locations. Ten samplings are conducted according to the amount of fish caught using drifting nets of various sizes with two weeks interval after the unjam was soaked. The result shows that the presents of unjam (traditional and mixed) in the study location have the ability to increase the amount of fish caught compared to the previous. At night time, amount of fish caught is higher compared to day time and the amount varied from time to time during the period of sampling. From the statistic analysis results, the different effectiveness between traditional unjam and mixed unjam can be seen. In contrast, traditional unjam was more effective than mixed unjam at both study locations. During the period of study, 11 species were caught at both unjam. These include Lampam Sungai (*Puntius schwanenfeldii*), Sebarau (*Hampala macrolepidota*), Temperas (*Cyclocheilichthys apogon*), Rung (*Osteochilus vittatus*), Terbol (*Osteochilus hasselti*), Kawan (*Labiobarbus festiva*), Belida (*Notopterus chitala*), Baung (*Mystus nemurus*), Tegas (*Acrossocheilus hexagonolepis*), Jemerong (*Lobocheilus cornutus*) and Kelah (*Tor tambroides*). For both types of unjam, Lampam Sungai (*Puntius schwanenfeldii*) is the dominan species caught.

## 1.0 METODOLOGI

### 1.1 Lokasi Kajian

### 1.2 Keperluan dan Ketidakefektifan Kajian

### 1.3 Penyediaan dan Pemeliharaan Unjam

### 1.4 Pelaksanaan Unjam di Lokasi Kajian

### 1.5 Pengumpulan Data

#### 1.5.1 Sebelum dan Selepas Unjam Dikuang

#### 1.5.2 Kajian Persempulatan

#### 1.5.3 Analisis Data